



Tambah beliau lagi, Majlis berharap agar risiko kejadian seperti ini dapat di minimumkan melalui pelaksanaan seksyen 85A ini. Usaha-usaha untuk mengenal pasti bangunan yang berisiko haruslah sentiasa dilakukan dari masa ke masa melalui pemeriksaan bangunan secara berkala dan menyeluruh.

MBPJ komited untuk terus menyediakan perkhidmatan perbandaran yang cekap, selaras dengan espektasi yang tinggi daripada pihak berkepentingan di Petaling Jaya.

Justeru, MBPJ akan terus memperkuuhkan sistem tadbir urus dan perkhidmatan sebagai sebahagian daripada usaha untuk menjadikan bandaraya petaling jaya sebagai sebuah bandar pintar, berdaya tahan dan mampan menjelang tahun 2025.

**Dikeluarkan oleh.**

**Sekretariat Media  
Unit Komunikasi Korporat,  
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: [www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my), facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: pjcitycouncil, emel: [media@mbpj.gov.my](mailto:media@mbpj.gov.my) Tel : 03-79563544 sambungan 203/414 Faks : 03-79582695.



# KENYATAAN AKHBAR

BIL :

Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/1 JILID 1 (63)

Tarikh: 4 Disember 2023

## MBPJ, STA ANJUR TENIS REMAJA TERBUKA

Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) dan Persatuan Tenis Selangor (STA) akan menganjurkan Kejohanan Tenis Remaja Terbuka MBPJ-MILO 2023 pada 14 hingga 18 Disember 2023.

Kejohanan yang memasuki edisi ke-33 ini telah menerima penyertaan daripada pemain dalam dan luar negara antaranya negeri Johor, Melaka, Sarawak, Pulau Pinang, Kelantan, Terengganu, Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan pemain dari negara Jepun.

Timbalan Datuk Bandar Petaling Jaya, Aznan Hj. Hassan berkata, dijangkakan seramai 200 orang pemain akan menyertai kejohanan ini jika dibandingkan pada tahun lalu seramai 175 pemain kerana kejohanan kali ini adalah siri terakhir dalam kalender tahun 2023.

"Disamping itu, Persatuan Tenis Malaysia (LTAM) masih lagi mengekalkan pengiktirafan kejohanan ini sebagai kejohanan bertaraf ranking remaja kebangsaan yang mana setiap pemain yang menyertai kejohanan ini layak mendapat jumlah mata (*point*) yang akan dimasukkan ke dalam ranking LTAM.

Tambah beliau lagi, sebanyak 3 acara akan dipertandingkan - perseorangan, beregu remaja lelaki dan beregu remaja perempuan. Setiap acara yang dipertandingkan ini akan mengikut kategori umur iaitu 8 tahun ke bawah (mini tenis), 10 tahun ke bawah, 12 tahun ke bawah 14 tahun ke bawah dan 16 tahun ke bawah."

Hasil daripada kerjasama dengan Persatuan Tenis Selangor, MBPJ berjaya mencungkil ramai bakat baharu di peringkat akar umbi menerusi program pembangunan sukan tenis remaja MBPJ yang dilaksanakan sejak tahun 1990.

MBPJ turut dilantik oleh kerajaan negeri Selangor sebagai bapa angkat untuk beberapa acara sukan termasuklah sukan tenis dalam persediaan ke Kejohanan Sukan Malaysia (SUKMA). Mengikut rekod di kejohanan SUKMA Kuala Lumpur yang lalu, pasukan tenis negeri Selangor telah berjaya memenangi 2 pingat perak dan 3 pingat gangsa untuk kontinjen negeri Selangor.

Kejohanan pada tahun ini turut mendapat sokongan daripada Persatuan Lawn Tenis Malaysia (LTAM), Persatuan Tenis Selangor Dan Majlis Sukan Negeri Selangor.

Kejohanan ini turut dijayakan dengan penajaan daripada Nestle Products Sdn Bhd (Milo), F&N Beverages Marketing Sdn. Bhd.

**Dikeluarkan oleh.**

**Sekretariat Media  
Unit Komunikasi Korporat,  
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: [www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my), facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: pjcitycouncil, emel: [media@mbpj.gov.my](mailto:media@mbpj.gov.my) Tel : 03-79563544 sambungan 203/414 Faks : 03-79582695.



# KENYATAAN AKHBAR

BIL :

Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/1 JILID 1 (64)

Tarikh: 6 Disember 2023

## MBPJ IKTIRAF USAHAWAN MIKRO DI PETALING JAYA

Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) mengiktiraf seramai 10 orang pemenang Anugerah Smart Green Bazar Ramadan@PJ2023, 15 orang peserta akhir bengkel Training Of Trainer PJ Seed dan 30 orang peserta kursus usahawan tahap 3. Selain itu juga, majlis turut mengiktiraf 10 orang usahawan yang berpotensi untuk menerima Anugerah Usahawan Petaling Jaya 2023 dalam program bimbingan yang diadakan.

Timbalan Datuk Bandar Petaling Jaya, Aznan Hj Hassan berkata Pelan Strategik Pembangunan Usahawan Petaling Jaya 2021-2030 yang telah dibangunkan telah melahirkan usahawan-usahawan ini dan membantu mereka untuk tidak ketinggalan dalam arus pendigitalan perniagaan.

“Mereka ini akan terus dibantu dalam memberikan pendidikan modal insan dan pendedahan terhadap perkembangan konsep perniagaan masa kini.

“Bermula dari tahun 2022 seramai 947 peserta secara dalam talian dan 270 secara bersemuka telah menyertai kursus pembangunan usahawan ini. Manakala pada tahun 2023 seramai 950 peserta secara dalam talian dan 320 orang secara bersemuka menyertai kursus bimbingan usahawan yang dianjurkan oleh majlis. perkongsian berhubung inisiatif daripada kerajaan negeri juga turut disampaikan agar mereka boleh mengambil peluang mengikut keperluan masing-masing,”

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Anugerah Usahawan Petaling Jaya 2023 di Dewan Sivik MBPJ hari ini.

Di bawah PJSSR 2030 ini terdapat 10 thematic dan pembangunan usahawan ini adalah dibawah Thematic Economically Vibrant City. Berpandukan Fokus Strategik 1, menambahbaik pembangunan infrastruktur gerai dan

penempatan usahawan mikro, majlis telah menyediakan sebanyak 50 tapak perniagaan di tapak baharu projek perintis di seksyen 8 jalan pekaka kota damansara. Konsep tapak gunasama yang boleh dijalankan secara bergilir mengikut masa yang ditetapkan, ditawarkan kepada usahawan mikro.

Secara tidak langsung kaedah ini akan memberi peluang kepada usahawan mikro untuk berkongsi rezeki dan pada masa sama menjalankan perniagaan dengan sah di tapak yang diluluskan. Di petaling jaya juga terdapat sebanyak 73 petak smart trak yang disediakan untuk membantu mereka menjalankan perniagaan dengan lebih teratur.

Satu lagi trend perniagaan masa kini berkonsepkan car boot sales di mana mbpj telah meluluskan sebanyak 547 petak di bistari de kota, jalan teknologi 3/9, kota damansara melibatkan seramai 547 peniaga. Ternyata aktiviti perniagaan carbootsales ini juga memberi kesan yang tinggi dari segi penambahan pendapatan. konsep pemasaran menggunakan media sosial seperti facebook, instagram dan tik tok menjadi pilihan dalam memasarkan produk dan tempat perniagaan mereka.

Merujuk kepada kursus bimbingan yang dianjurkan telah memberikan impak terhadap peratus kenaikan jualan. Jumlah jualan terkumpul untuk tempoh 3 bulan melalui program ini adalah sebanyak RM 485,487 dan jumlah keuntungan terkumpul bagi tempoh tiga bulan bimbingan pula adalah sebanyak RM191,993.

Berpandukan pelan strategik pembangunan usahawan petaling jaya juga sedikit sebanyak telah memberi kesan dan sumbangan dalam Rancangan Selangor Pertama (RS-1) di bawah teras 1 pengukuhan ekonomi dan teras 2 mempertingkatkan inklusiviti sosial dan kesejahteraan rakyat di bawah program bantuan keusahawanan. Ianya secara tidak langsung menyumbang penjanaan pendapatan keseluruhan kdnk tahunan sebanyak RM 7.1 juta serta menyumbang kepada peluang pekerjaan kepada golongan b40 .

Pada tahun 2023, mbpj telah mengadakan kursus keusahawanan sebanyak 23 kali dan Kursus bimbingan usahawan apperentice champion petaling jaya 2023 yang diadakan ini memerlukan komitmen kerana pemantauan secara terus dilapangan akan dibuat selama 3 bulan. Majlis turut melantik Institut Business Of Excellent (IBE) uitm menjadi jurulatih bimbingan usahawan.

Majlis Anugerah Usahawan Petaling Jaya 2023 telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Tuan Mohd Najwan Bin Halimi, Exco Belia, Sukan Dan Keusahawanan. Terima kasih kepada Kerajaan Negeri Selangor kerana telah memberi dan meluluskan peruntukan kewangan kepada pihak majlis dalam membantu usahawan-usahawan di Petaling Jaya agar terus berdaya saing.

**Dikeluarkan oleh.**

**Sekretariat Media  
Unit Komunikasi Korporat,  
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: [www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my), facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: pjcitycouncil, emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/414 Faks : 03-79582695.



# KENYATAAN AKHBAR

BIL :

Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/1 JILID 1 (65)

Tarikh: 14 Disember 2023

**MAJLIS ANUGERAH SEKOLAH LESTARI PETALING JAYA , BAGI PROGRAM PENGURUSAN DAN KECEKAPAN TENAGA DAN PROGRAM KITAR SEMULA DENGAN KERJASAMA PPD PETALING UTAMA, SEDA MALAYSIA, F&N DAN TETRA PAK DI BAWAH PJSSR 2030.**

Penganjuran Majlis Anugerah Sekolah Lestari Petaling Jaya 2023 adalah kolaborasi di antara dua program utama majlis bersama PPD Petaling Utama iaitu Pengurusan Kecekapan Tenaga di bawah Jabatan Kawalan Bangunan dan Program Kitar Semula di bawah Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam bertujuan meningkatkan pemahaman dan pendidikan seawal dari peringkat tadika sehingga kolej tingkatan 6, bagi mencapai matlamat utama Majlis menjadi sebuah Bandaraya Berkarbon Rendah selaras dengan PJSSR 2030.

Majlis ini adalah kemuncak kepada program setahun yang diadakan bersama sekolah-sekolah di petaling jaya. Bagi **Program Pengurusan Kecekapan Tenaga Majlis** yang di urusetiakan oleh jabatan kawalan bangunan, telah mula memberi taklimat pada awal tahun **kepada 58 buah sekolah** yang hadir dan telah menerima **penyertaan dari 37 buah sekolah**. Sebanyak **3 tugas** telah diberikan kepada pihak sekolah iaitu **penghasilan poster digital, aktiviti di sekolah dan juga pemantauan untuk pengurusan penggunaan elektrik di sekolah** sebelum pemilihan pemenang ditentukan oleh 8 orang juri .

**Matlamat majlis adalah untuk memupuk kesedaran mengenai amalan kecekapan penggunaan tenaga di kalangan guru-guru, para pelajar serta ahli keluarga seterusnya masyarakat umum melalui pendidikan di sekolah.**

Turut diraikan hari ini ialah pemenang **Pertandingan Kitar Semula Peringkat Sekolah Dan Tadika Bersama F&N Bagi Tahun 2023** yang diurusetia oleh Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam. Untuk makluman semua, pertandingan ini telah mula dijalankan pada **tahun 2018** dan telah menjadi **program tahunan majlis bersama pihak F&N dan juga Tetra Pak**. Program ini terhenti seketika pada tahun 2020 sehingga 2022 disebabkan pandemik covid 19.

Tahun ini sebanyak **8 buah tadika, 7 sekolah kebangsaan dan 8 dari sekolah menengah telah menyertai pertandingan ini dengan jumlah kutipan barang kitar semula yang berjaya di kutip sebanyak 30,792 kilogram.**

Majlis amat berharap agar pertandingan ini dapat diteruskan dan mendapat sambutan yang lebih meluas dengan peningkatan jumlah penyertaan daripada tadika dan sekolah-sekolah di petaling jaya.

Diharapkan dengan adanya kerjasama erat dari semua pihak sama ada pentadbir dan guru-guru sekolah di petaling jaya serta bantuan daripada PPD Petaling Utama khususnya dapat menjadikan bandaraya Petaling Jaya mencapai matlamat pengurangan karbon sebanyak 33% menjelang tahun 2030.

**Dikeluarkan oleh.**

**Sekretariat Media  
Unit Komunikasi Korporat,  
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: [www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my), facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: pjcitycouncil, emel: [media@mbpj.gov.my](mailto:media@mbpj.gov.my) Tel : 03-79563544 sambungan 203/414 Faks : 03-79582695.



# KENYATAAN AKHBAR

BIL :

Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/1 JILID 1 (66)

Tarikh: 15 Disember 2023

## MAJLIS PENYAMPAIAN SIJIL PENERIMA DANA BAGI GERAN KOMUNITI UNTUK PETALING JAYA MAMPAN 5.0 TAHUN 2023

Geran Komuniti untuk Petaling Jaya Mampan 5.0 atau lebih dikenali sebagai PJ SEED 5.0 telah diperkenalkan sejak tahun 2019 dan tahun 2023 adalah merupakan tahun ke-5 pelaksanaan program ini. Program ini merupakan “signature project” di bawah *Thematic Society 5.0*, salah satu *Thematic Utama Pelan Tindakan Petaling Jaya Smart, Sustainable and Resilient 2030* (PJSSR 2030). Geran ini terbuka kepada semua *stakeholders* seperti persatuan penduduk, sekolah, institusi pengajian tinggi dan NGO sama ada di dalam atau di luar Petaling Jaya mengemukakan projek atau Big Idea yang dapat membantu meningkatkan prestasi MBPJ berdasarkan pelan PJSSR 2030 tersebut.

Sepanjang tempoh 5 tahun perlaksanaannya, MBPJ telah menerima sebanyak 710 permohonan dan daripada jumlah tersebut sebanyak 138 permohonan telah diluluskan dengan jumlah geran hampir RM 2.44 juta. Pada tahun 2023, MBPJ telah menerima sebanyak 163 permohonan dan daripada jumlah itu, sebanyak 25 permohonan telah diluluskan dengan jumlah geran sebanyak RM 542,682.39.00.

Daripada 25 projek tersebut, projek Kebun Komuniti di bawah *Thematic Low Carbon City* yang paling banyak diluluskan iaitu 12 projek diikuti dengan projek Pendidikan dan Pembelajaran di bawah *Thematic Learning City* sebanyak 6 projek.

Selain daripada itu, MBPJ turut meluluskan 3 projek di bawah *Thematic Circular Economy* dan 2 projek di bawah *Thematic Safe & Resilient City* serta 1 projek masing-masing di bawah *Thematic Economically Vibrant City* dan *Thematic Society 5.0*.

Antara stakeholder yang telah berjaya mendapatkan geran PJ SEED 5.0 adalah seperti berikut:-

- 1. Intitusi pengajian tinggi = 8**
- 2. Persatuan penduduk/JKK = 5**
- 3. Persatuan NGO = 5**
- 4. Sekolah = 3**
- 5. JMB = 2**
- 6. Agensi Kerajaan = 1**

Walaubagaimanpun, terdapat cabaran yang dihadapi di peringkat pengurusan permohonan PJ SEED 5.0 pada tahun ini, antaranya permohonan yang diterima tidak memenuhi kehendak seperti permohonan yang meliputi elemen penyediaan infrastruktur atau kelengkapan melibih 30% daripada kos keseluruhan projek.

Diharapkan, lebih banyak permohonan yang lebih berkualiti akan diperolehi tahun hadapan supaya jumlah permohonan yang diluluskan akan terus bertambah. Majlis juga berharap agar projek-projek yang diluluskan ini dapat membantu meningkatkan prestasi MBPJ untuk menjadi pihak berkuasa tempatan cemerlang di Malaysia serta membantu mencapai *Sustainable Development Goal* atau SDG 2030 di peringkat antarabangsa.

Tahniah diucapkan kepada semua penerima Geran PJ SEED 5.0 yang telah berjaya. Semoga projek-projek yang telah diluluskan dapat dilaksanakan mengikut tempoh masa yang ditetapkan dan penduduk Petaling Jaya secara amnya dapat menerima manfaat daripada projek-projek tersebut.

**Dikeluarkan oleh.**

**Sekretariat Media  
Unit Komunikasi Korporat,  
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: [www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my), facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: pjcitycouncil, emel: [media@mbpj.gov.my](mailto:media@mbpj.gov.my) Tel : 03-79563544 sambungan 203/414 Faks : 03-79582695.



berkata "kami bangga berkerjasama dengan pihak PLMM yang menganjurkan pertandingan yang bertaualah untuk memberi markah kepada atlet negara dalam bidang sukan larian Menara. Ini dapat menaikkan kedudukan mereka dalam senarai "World Ranking". Dengan adanya sumbangan peruntukan daripada MBPJ, Soh Wai Ching berjaya untuk merebut tempat pertama di World Ranking Towerrunning, maka kejayaan beliau adalah satu pencapaian yang membanggakan MBPJ.

Pertandingan Larian Menara MBPJ ini berlangsung pada jam 7 pagi dengan 2 pusingan "Knock-out" dimana 10 orang terpantas selepas 2 pusingan ini akan bertanding untuk memenangi hadiah wang tunai.

Pemenang category lelaki dan wanita "Open" ialah

- a) Juara dengan masing-masing menerima wang tunai RM1,500
- b) Tempat kedua masing-masing menerima wang tunai RM1,000
- c) Tempat ketiga masing-masing menerima wang tunai RM850
- d) Tempat keempat masing-masing menerima wang tunai RM750
- e) Tempat kelima masing-masing menerima wang tunai RM500

Pemenang category lelaki dan wanita "Veteran" ialah

- f) Juara dengan masing-masing menerima wang tunai RM1,000
- g) Tempat kedua masing-masing menerima wang tunai RM850
- h) Tempat ketiga masing-masing menerima wang tunai RM600

**Juara Kebangsaan Untuk Lelaki akan menerima wang tunai tambahan sebanyak RM500.**

**Juara Kebangsaan untuk Wanita akan menerima wang tunai tambahan sebanyak RM500.**

Juga termasuk di dalam pakej peserta adalah insuran tahunan perlindungan kemalangan yang diliputi oleh Pacific Group dan AQME, entiti baru di sector insurtech. Pelan perlindungan ini juga termasuk perlindungan untuk kematian, kecacatan penuh, kos perubatan dan pemberian elaun untuk kemasukan hospital.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Ravinder Singh (0122189921) atau Karen Loh (0172378983).

**Dikeluarkan oleh.**

**Sekretariat Media  
Unit Komunikasi Korporat,  
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: [www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my), facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: pjcitycouncil, emel: [media@mbpj.gov.my](mailto:media@mbpj.gov.my) Tel : 03-79563544 sambungan 203/414 Faks : 03-79582695.